

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NATION



The Star / MS Nation 22/5/2023 (Khamis)

Malaysia and Palestine to boost ties in health sector

KUALA LUMPUR: Malaysia and Palestine will work together to strengthen a health system that is fair, resilient and based on universal human values, says Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad (pic).

He said the strategic cooperation was detailed during a bilateral meeting between him and his Palestinian counterpart, Dr

Maged Abu Ramadan, yesterday.

Dzulkefly said areas of cooperation discussed were workforce capacity development, prevention and control of communicable and non-communicable diseases, and digital transformation efforts in health.

"This meeting further strengthens the close relationship between two countries with aspira-

tions to strengthen a fair, resilient and humane health system.

"I also commend Palestine's success in implementing the polio vaccination campaign using nOPV2, an important step in public health preparedness," he said in a Facebook post.

Dzulkefly said the entire discussion was held in Arabic as a diplomatic approach aimed at ensuring

clear message delivery, strengthening mutual understanding and respecting the cultural backgrounds of both parties.

He also said he reiterated Malaysia's stance raised at the recent 78th World Health Assembly, which urged the international community not to remain silent on the ongoing humanitarian and public health crisis in Gaza.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

Sinar Harian M/s 8 Nasional 22/5/2025 (Khamis)

Malaysia, Palestin perkukuh kerjasama strategik dalam sektor kesihatan

KUALA LUMPUR - Malaysia dan Palestin sepakat memperkukuh kerjasama strategik bagi memperkasakan sistem kesihatan yang adil, berdaya tahan dan berteraskan nilai kemanusiaan sejagat.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, kerjasama itu diperincikan menerusi pertemuan dua hala antara beliau dan rakan sejawatnya dari Palestin, Dr Maged Abu Ramadan pada Rabu.

Beliau berkata, antara bidang kerjasama dibincangkan ialah pembangunan kapasiti tenaga kerja kesihatan, pencegahan dan

kawalan penyakit berjangkit dan tidak berjangkit serta usaha transformasi digital kesihatan.

"Pertemuan ini memperkukuh lagi hubungan erat antara dua negara Islam yang berkongsi aspirasi untuk memperkasakan sistem kesihatan yang adil, berdaya tahan dan berpaksikan nilai kemanusiaan.

"Saya juga memuji kejayaan Palestin dalam melaksanakan kempen vaksinasi polio menggunakan nOPV2, suatu langkah penting dalam kesiapsiagaan kesihatan awam," katanya menerusi hantaran Facebook.

Dr Dzulkefly berkata, ke-

seluruhan perbincangan berlangsung dalam bahasa Arab sebagai pendekatan diplomatik yang bertujuan memastikan penyampaian mesej secara jelas, memperkukuh persefahaman bersama serta menghormati latar budaya kedua-dua pihak.

Pada masa sama, beliau menegaskan pendirian Malaysia yang dibangkitkan pada Perhimpunan Kesihatan Sedunia ke-78 (WHA78) baru-baru ini, yang mendesak masyarakat antarabangsa agar tidak berdiam diri terhadap krisis kemanusiaan dan kesihatan awam yang sedang berlaku di Gaza. - Bernama



Dr Dzulkefly (kiri) bersama Dr Maged dalam pertemuan dua hala yang berlangsung pada Rabu.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NATION

THE STAR, THURSDAY 22 MAY 2025

NATION 3

the star mls 3 Nation 22/5/2025 (Khamis)

Illegal clinics with 'doc' shuttered

Six foreigners arrested after Immigration Dept raids in KL, Sungai Buloh, Shah Alam

By FARIK ZOLKEPLI
farik@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: For RM90, patients are treated by foreign "doctors" at several illegal clinics in the Klang Valley. To avoid detection, these "doctors" will only treat patients at night.

After a year of operations, their illicit activities came to an end when the Immigration Department raided the illegal clinics on Jalan Ipoh here as well as Sungai Buloh and Shah Alam in Selangor on Monday.

Immigration director-general Datuk Zakaria Shaaban said six foreigners, including a Pakistani man, were detained.

The raids followed two weeks of intelligence gathering and sur-



Covert operation: Among those arrested was a Pakistani man posing as a doctor.

veillance by authorities.

The department arrested the Pakistani man, who was posing as a doctor, along with three female Myanmar nationals and two

other women from Pakistan and India, all aged between 23 and 57.

Zakaria said the Pakistani man was found to have overstayed. One of the Myanmar nationals

had a temporary work permit for foreign workers (PLKS) while another had a UN High Commissioner for Refugees (UNHCR) card.

"The remaining foreigners did not have any travel documents or valid passes," he said when contacted.

During the raid, officers seized several items, including a patient logbook, a clinic stamp, three foreign passports, mobile phones and uniforms for medical practitioners.

"We believe some of the other foreigners were working as medical assistants or nurses," Zakaria added.

The syndicate would offer medical services, especially to foreigners. Each patient is charged about

RM90 and payment for the illegal service can only be made online.

"The unlicensed doctors would perform medical checkups only at night.

"We believe they had been operating for about a year. All those detained were brought to the KLIA Immigration depot for further action," he added.

Zakaria said a Malaysian man and a Filipina were also issued with notices to assist the Immigration Department in the investigations.

WATCH THE
VIDEO
TheStarTV.com



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL



DR Maleeq ditahan dalam serbuan oleh Jabatan Imigresen Malaysia.

Oleh Muhaamad Hafis
Nawawi
mhafis@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Tawar perkhidmatan perubatan kepada warga asing dengan harga murah menggunakan khidmat doktor tidak bertauliah manakala pemeriksaan pula hanya dijalankan pada waktu malam.

Itu modus operandi klinik didalangi warga Pakistan dikenali sebagai Dr Maleeq yang menawarkan khidmat rawatan serendah RM90 sejak setahun lalu.

Bagaimanapun, kegiatan klinik haram terbabit terbongkar selepas Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) menyerbu dua lokasi sekitar Selangor iaitu di Sungai Buloh dan Shah Alam dan satu lokasi di Jalan Ipoh, Kuala Lumpur jam 11.20 malam, Isnin lalu.

Ketua Pengarah JIM, Datuk Zakaria Shaaban berkata, operasi membabitkan sepasukan pegawai dari Bahagian Perisikan dan Operasi Khas Ibu Pejabat

Klinik haram waktu malam

Doktor warga Pakistan tak bertauliah tawar khidmat rawatan RM90 kepada warga asing

Imigresen Putrajaya.

Menurutnya, berdasarkan maklumat awam dan risikan selama dua minggu, pasukan operasi diatur gerak ke lokasi dan berjaya menahan seorang lelaki warganegara Pakistan yang dipercayai doktor tidak bertauliah dikenali sebagai 'Maleeq', tiga wanita Myanmar yang dipercayai sebagai pembantu klinik, seorang wanita Pakistan dan seorang warganegara India.

"Jumlah keseluruhan ditahan adalah enam orang berusia antara 23 hingga 57 tahun.

"Semakan awal mendapati seorang lelaki warganegara Pakistan tinggal le-

bih masa, seorang wanita warganegara Myanmar menyalahgunakan Pas Latihan Kerja Sementara (PLKS), seorang lagi wanita warganegara Myanmar memiliki kad Sufu-hanjaya Tinggi Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu Untuk Pelarian (UNHCR) manakala warganegara asing yang lain tidak memiliki sebarang dokumen perjalanan atau pas sah untuk berada di negara ini," katanya.

Beliau berkata, pasukan operasi menyita buku log pesakit, cop klinik, satu naskhah passport Pakistan, satu naskhah passport India, satu naskhah passport Myanmar, peralatan peru-

batan, resit siji sakit, telefon bimbit klinik dan baju pengamal perubatan untuk siasatan.

"Modus operandi sindiket adalah dengan menawarkan perkhidmatan perubatan terutamanya kepada warga asing dengan harga murah.

"Klinik ini dipercayai menggunakan doktor yang tidak bertauliah untuk melakukan pemeriksaan kesihatan pada waktu malam saja dan beroperasi selama setahun.

"Bayaran yang dikenakan untuk setiap pesakit warganegara asing adalah sebanyak RM90 dan hanya boleh dilakukan secara dalaman talian," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 1 DAN 3
RUANGAN : NEGARA

